

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB. DATUK SAPAWI BIN AHMAD WASALI**  
**KAWASAN : SIPITANG**  
**TARIKH : 7 OKTOBER 2014, SELASA**

**SOALAN:**

**YB. DATUK SAPAWI BIN AHMAD WASALI (SIPITANG)** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan kemajuan terkini Projek Pan-Borneo menghubungkan Sabah dan Sarawak dan apakah masalah dihadapi yang menyebabkan pelaksanaannya dilihat begitu perlahan.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek membina dan menaik taraf Jalan Pan Borneo di Sabah dan Sarawak adalah projek yang menjadi keutamaan kementerian ini dalam setiap Rancangan Pembangunan 5 Tahun Kerajaan.

Pada tahun 2014 ini Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM500 juta bagi melaksanakan projek membina dan menaik taraf Jalan Pan Borneo. Daripada jumlah tersebut, peruntukan RM100 juta akan dibelanjakan untuk projek-projek sambungan yang telah komited, manakala RM400 juta lagi baki peruntukan tersebut akan dibelanjakan untuk melaksanakan projek-projek baru yang telah diluluskan seperti senarai berikut:

### **Sarawak:**

- (a) Menaik taraf Jalan dari Simpang Nyabau ke Jalan Simpang Bakun (44km);
- (b) Menaik taraf Jalan Batu 10 ke Batu 15, Jalan Kuching – Serian (8km); dan
- (c) Membina 22 Lorong Memotong di Sarawak;

### **Sabah:**

- (a) Menaik taraf Jalan Donggongan ke Simpang Papar Spur, Pakej 1 (13.7km);

- (b) Menaik Taraf Jalan Petagas ke Lok Kawi, Pakej 1A dan 1B (6km);
- (c) Menaik Taraf Jalan Tawau ke Semporna dari Persimpangan Lapangan Terbang Tawau ke Pekan Semporna, Fasa 1 (15km); dan
- (d) Menaik Taraf Jalan Segama Lahad Datu, Fasa 1 (5.6km).

Di samping itu, kementerian ini komited untuk meneruskan pelaksanaan program-program keselamatan di sepanjang Jalan Pan Borneo, iaitu melibatkan skop menaik taraf lokasi kerap berlaku kemalangan (blackspots) dan pelbagai projek kecil lain yang berkaitan. Untuk itu, terdapat 109 bilangan projek dengan kos projek sebanyak RM457 juta telah diluluskan bagi tempoh pelaksanaan dari tahun 2012 hingga 2015. Daripada 109 bilangan projek tersebut, sebanyak 100 bilangan projek telah disiapkan (79 di Sabah dan 21 di Sarawak). Manakala bakinya sebanyak 6 bilangan projek sedang dalam peringkat pembinaan (4 di Sabah dan 2 di Sarawak) dan 3 projek lagi iaitu di Sabah sedang dalam peringkat rekabentuk.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan projek Jalan Pan Borneo ini melibatkan kos yang sangat tinggi kepada Kerajaan (anggaran RM22.5 bilion). Sehubungan itu projek ini perlu dilaksanakan secara berfasa untuk tempoh masa yang panjang, iaitu mengambil kira kemampuan kewangan Kerajaan.

Walau bagaimanapun untuk mempercepatkan lagi pelaksanaan projek Jalan Pan Borneo ini, Kerajaan secara prinsipnya telah bersetuju untuk melaksanakan projek tersebut menerusi inisiatif daripada pihak swasta. Pada masa kini rundingan awal sedang

diadakan dengan pihak swasta yang berminat untuk melaksanakan projek Jalan Pan Borneo ini dalam tempoh masa yang lebih singkat, berbanding kaedah pelaksanaan secara konvensional menerusi peruntukan Rancangan 5 Tahun Kerajaan.

Sekian. Terima kasih.